

**Bahagian B Soalan Struktur**

Jawab semua soalan.

1 Terdapat beberapa pengertian sejarah dari aspek bahasa dan pandangan sejarawan. **MS Teks 4 - 5** **Praktis Berpandu**

(a) Apakah definisi sejarah menurut *Kamus Dewan*?

Sejarah didefinisikan sebagai asal usul (keturunan) atau \_\_\_\_\_ . Sejarah merupakan peristiwa yang benar-benar berlaku pada waktu yang lampau, kisah, riwayat dan \_\_\_\_\_. Sejarah ialah \_\_\_\_\_ atau pengetahuan tentang peristiwa-peristiwa yang telah lalu.

[3 markah]

(b) Berikan pengertian sejarah mengikut pandangan sejarawan, E. H. Carr. **Praktis Berpandu**

Sejarah ialah suatu proses \_\_\_\_\_ berterusan antara ahli sejarah dengan fakta-faktanya, suatu \_\_\_\_\_ yang tidak berkesudahan antara masa kini dengan \_\_\_\_\_. Karyanya yang terkenal ialah *What is History?*

[3 markah]

(c) Rumuskan takrifan sejarah. **Praktis Berpandu**

Takrifan sejarah dari aspek bahasa dan pandangan sejarawan merujuk tentang \_\_\_\_\_ dan \_\_\_\_\_ masa lalu yang diperoleh berdasarkan \_\_\_\_\_. Peristiwa masa lalu tersebut akan dikaji oleh \_\_\_\_\_. Sejarah dapat memberikan \_\_\_\_\_ kepada kita.

[4 markah]

2 Sumber sejarah terbahagi kepada dua, iaitu sumber primer dan sumber sekunder. **MS Teks 8**

(a) Apakah maksud sumber sekunder? **Praktis Berpandu**

Sumber sekunder ialah sumber daripada bahan yang telah \_\_\_\_\_ dan \_\_\_\_\_

[2 markah]

(b) Salah satu contoh sumber sekunder ialah ensiklopedia. Terangkan ciri-ciri ensiklopedia. **Praktis Berpandu**

- Bahan yang terkandung di dalamnya berdasarkan fakta dan sumber sejarah yang \_\_\_\_\_.
- Contohnya \_\_\_\_\_
- Mengandungi beberapa \_\_\_\_\_
- Seperti sejarah awal, sejarah moden awal, arkitektur, laut dan \_\_\_\_\_

[4 markah]

**Pilihan Jawapan**

- (a) • tambo  
• salasilah  
• kajian

- (b) • masa lampau  
• interaksi  
• dialog

- (c) • masyarakat  
• sejarawan  
• bukti  
• peristiwa  
• teladan

- (a) • diolah  
• diterbitkan

- (b) • *The Encyclopedia of Malaysia*  
• sahih  
• tumbuh-tumbuhan  
• tema

(c) Pada pendapat anda, apakah kepentingan sumber sekunder?

**SKAT** **Praktis Berpandu**

- Membantu untuk mencari \_\_\_\_\_
- Membuat perbandingan \_\_\_\_\_ penyelidikan sejarah yang telah diterbitkan
- Memberikan \_\_\_\_\_ tentang ruang lingkup kajian yang akan dijalankan
- Ahli sejarah dapat mengetahui \_\_\_\_\_ dan skop kajian yang telah dijalankan oleh ahli sejarah lain
- \* Ahli sejarah dapat menfokuskan skop lain yang belum lagi dijalankan kajian atau penyelidikan

[4 markah]

3 Aktiviti gali cari merupakan kaedah arkeologi yang dijalankan secara saintifik untuk mencari maklumat daripada bahan tinggalan sejarah. **MS Tek 13**

(a) Jelaskan langkah-langkah aktiviti tersebut dijalankan.

**Praktis Berpandu**

- Perancangan grid sebelum kerja ekskavasi dengan setiap petak diberikan \_\_\_\_\_
- Menandakan kawasan berdasarkan \_\_\_\_\_
- Ekskavasi dengan mencatatkan semua \_\_\_\_\_

[3 markah]

(b) Berikan penerangan ringkas tentang ekskavasi. **Praktis Berpandu**

- Proses mengumpulkan data dalam bidang arkeologi untuk memperoleh maklumat tentang \_\_\_\_\_ manusia.
- Aktiviti gali cari bermula dari \_\_\_\_\_ hingga tahap tanah asal.
- Antara \_\_\_\_\_ yang boleh ditemukan ialah fosil, tembikar, bahan logam dan binaan daripada batu

[3 markah]

(c) Nyatakan cara kita boleh menghargai warisan negara. **SKAT**

**Praktis Berpandu**

- Mengadakan Hari Sejarah \_\_\_\_\_
- Tidak melakukan \_\_\_\_\_ pada warisan negara
- Memelihara dan \_\_\_\_\_ khazanah berharga negara
- Menganjurkan kempen \_\_\_\_\_ tentang kepentingan warisan negara

[4 markah]

## Pilihan Jawapan

- (c) • bidang  
• maklumat  
• dapatan  
• gambaran awal

- (a) • nombor rujukan  
• pelan  
• penemuan

- (b) • masa lampau  
• permukaan tanah  
• bahan tinggalan sejarah

- (c) • kesedaran  
• kerosakan  
• memulihara  
• sedunia